

03/10/1999

Malaysia kongsi pengalaman dalam penswastaaan jalan raya

KUALA LUMPUR: Malaysia, salah sebuah negara peneraju dalam penswastaaan pembinaan jalan raya akan berkongsi pengalaman dengan negara lain dalam mesyuarat Majlis Jalan Sedunia ke-21 yang diadakan di sini, bermula hari ini.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata pengalaman negara dalam penswastaaan pembinaan jalan raya itu adalah antara topik penting yang akan dibincangkan dalam mesyuarat itu.

Menurutnya, pengalaman Kerajaan Malaysia berjaya menarik minat pihak swasta untuk membiayai pembinaan jalan raya terutama pada awal tahun 80-an serta masalah yang dihadapi, akan dibincangkan.

"Pembiayaan oleh sektor swasta ketika itu dilihat sebagai salah satu cara terbaik untuk mengatasi masalah kekangan kewangan yang dihadapi negara ketika itu.

"Oleh itu, dalam persidangan antarabangsa kali ini, Malaysia bersedia untuk berkongsi pengalaman serta bertukar pandangan supaya satu keputusan atau sistem yang sesuai tanpa membebankan pengguna dapat dihasilkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pembukaan mesyuarat Majlis Persatuan Jalan raya Sedunia (PIARC) di sini, semalam. Turut hadir ialah timbalannya, Datuk Railey Jeffrey dan Presiden PIARC, Dr Hiroshi Mitani.

Samy berkata, ianya akan dibentangkan dalam persidangan itu kerana sesetengah negara membangun yang kekurangan wang berminat untuk membina jalan raya.

"Oleh itu, negara berkenaan memutuskan menggunakan sistem penswastaaan bagi mengatasi masalah membina jalan raya dengan mengambil Malaysia sebagai negara contoh," katanya.

Dalam persidangan tujuh hari itu, lebih 2,600 peserta dari 93 negara mengambil bahagian. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan merasmikan mesyuarat berkenaan, hari ini.

(END)